

## ABSTRAK

Bahasa Inggeris merupakan salah satu mata pelajaran yang menjadi masalah kepada pelajar untuk memahami, menyukai dan menguasai sepenuhnya khususnya kepada pelajar-pelajar di Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Justeru itu pelbagai langkah telah diambil khususnya oleh Jabatan Pendidikan Negeri untuk mengatasi permasalahan ini.

Salah satu pendekatan yang telah dilakukan adalah memperkenalkan kaedah "Multiple Intelligences" (MI) yang dipelopori oleh Dr. Howard Gardner pada tahun 1983 yang menekankan 7 aspek pelbagai kecerdasan yang seharusnya dimiliki oleh individu yang normal. Kajian ini cuba membuktikan keberkesanan pengaplikasian MI di dalam mempelajari Bahasa Inggeris berbanding dengan pendekatan lain seperti *Grammar Translation* dan *Oral Drilling*, dan juga mengenalpasti kecerdasan yang dominan di kalangan sample. Oleh kerana penulisan akademik tentang MI agak terhad di Malaysia kecuali dari UTM, penyelidik telah membuat rujukan dari pelbagai kajian dan penulisan dari penyelidik-penyelidik luar negara.

Keseluruhannya, penyelidik telah menjadikan MI sebagai pendekatan terbaik di dalam pengajaran Bahasa Inggeris dan mencapai objektif-objektif pendidikan untuk memperbaikkan standard Bahasa Inggeris di kalangan pelajar. Penyelidik berharap penulisan ini mampu memberi motivasi dan titik permulaan dalam pengaplikasian MI di dalam bilik darjah, bukan sahaja untuk peningkatan BI bahkan untuk semua mata pelajaran.

## **ABSTRACT**

English Language is regarded as one of the problematic subjects for the students in the East Coast of Malaysia to understand, like and fully acquire. Therefore, many measures have been taken especially by the State Education Department to overcome this problem.

One of the approaches taken is Multiple Intelligences (MI) which was introduced by Dr. Howard Gardner in 1983, which emphasizes on seven different intelligences that should be possessed by normal individuals. This research tries to proof the effectiveness of MI application in the learning of English when compared to other approaches such as Grammar Translation and Oral Drilling, and also to identify the dominant intelligences of MI among the subjects. Since there is limited number of academic writings of MI in Malaysia except from the one from UTM, the researcher has referred his studies from various researches and writings done by foreign researchers.

Overall, the researcher has made the MI application as one of the best approaches implemented in the teaching of English Language and has achieved the objectives of education to improve the standard of English among students. The researcher hopes that this writing can be a motivation and a starting point in the implementation of Multiple Intelligences in the classroom which not only to improve the standard of English but also in all subjects.